

PENERAPAN UNSUR-UNSUR 'THE SYSTEM' DI KALANGAN PELAKON-
PELAKON TEATER SEGASAK DI MALAYSIA

SYAHRUL FITHRI BIN MOZA

ARKIB

rb
fPN2062
S981
2007

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2007

**PENERAPAN UNSUR-UNSUR 'THE SYSTEM' DI KALANGAN PELAKON-
PELAKON TEATER SEBABAK DI MALAYSIA**

Oleh

SYAHRUL FITHRI BIN MUSA

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi Ijazah
Sarjana Sastera**

Mac 2007

PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kepada akal dan fizikal ini untuk menyiapkan penyelidikan yang sederhana sifatnya. Di atas izinNya juga, jiwa ini dapat melalui dengan penuh kesabaran setiap dugaan yang menimpa serta menemukan saya dengan penawar dari hati-hati yang budiman. Sumbangan dari semua pihak secara langsung mahupun tidak telah membawa sebuah lagi penyelidikan mengenai bidang teater di Malaysia ini. Sekiranya ia boleh dipanggil satu kejayaan, jadi ia adalah kejayaan bagi semua yang terlibat.

Dalam ruang yang sesempit ini, ingin saya sampaikan jutaan kasih dan penghargaan kepada semua insan yang memberikan sumbangan dari segi sokongan, ilmu, mahupun kewangan. Pertama sekali, Prof Madya Dr Abdul Samat Salleh selaku Penyelia Utama bagi penyelidikan ini yang setia mendengar, memberi teguran, dan memberi tunjuk ajar sehingga berupaya membuka fikiran yang jahil ini. Tidak lupa pada semua warga Universiti Sains Malaysia terutamanya kepada Penyelia Bersama iaitu Allahyarham Dr Jamaludin Osman (moga roh beliau dicucuri rahmat Allah S.W.T) yang turut memberikan sokongan dan individu-individu lain seperti Dr Kipli, Dr A.S Hardi, dan Asnul J Saidon di Pusat Seni serta pihak Institut Pengajian Siswazah.

Kepada pihak Universiti Teknologi Mara yang telah menaja sepenuhnya pengajian sarjana ini, saya dengan penuh rasa syukur mengucapkan jutaan terima kasih di atas tajaan tersebut. Tidak dilupakan kepada semua warga Fakulti Teknologi Seni Kreatif Dan Artistik, Universiti Teknologi Mara terutamanya kepada Prof Dr. Hatta Hazad Khan, Prof . Madya Rosini Jonid, Prof Madya Rushdi Kubon, En Hamzah Tahir, En Mazlan Tahir dan semua pensyarah serta pelajar-pelajarnya.

Secara peribadi juga ingin saya sampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada individu-individu yang turut menyumbang kepada penyelidikan ini yang

terdiri dari bekas guru/pensyarah, individu yang ditemuramah, dan rakan-rakan seperjuangan. Mereka seperti Prof Madya Said Halim Said Nong, Prof Dr Datin Rahmah Bujang, Dr Anuar Nor Arai, Dr Mahadi J Murat, Dr Abu Hassan, Dr Zulkifli Mohammad, Puan Roselina Khir, Effendi Samsuddin, Tuan Haji Zubir Ali, Yalal Chin, Uwei Hj Shaari, Fauziah Nawi, Rahim Razali, Ahmad Tarmimi Saregar, Mazlan Tahir, Rosminah Tahir, Sabri Yunus, Aminah Raphor, Zaibo, Imuda, Jalil Hamid, Marlia Musa, Zakaria Ariffin, Mubarak Majid, Rosnan IB, Rosdeen Suboh, Hisyam Faud, Ramzi Ramli, Azhan, Asrul, Namron, Hadi, Ayie, Iryandi Mulia, Zamri Din dan ramai lagi yang tidak dapat saya nyatakan di sini.

Teristimewa saya dedikasikan penghargaan saya ini kepada isteri dan anak tersayang, Syabil Ilham Syah. Dalam umur yang masih mentah terpaksa memahami tanggungjawab bapanya 'melayan' monitor komputer lebih dari dirinya. Semoga Allah melimpahkan kurnia dan rezeki yang baik kepada kita sekeluarga.

Teristimewa juga kepada ayahanda dan bonda di Melaka yang telah banyak berkorban demi kebahagian anaknya ini. Segala keperitan hidup yang pernah dilalui sentiasa menjadi motivasi berguna kepada anakanda untuk terus mengcapai kehidupan yang lebih selesa. Juga tidak ketinggalan Abanglong dan Pizah sebagai saudara sedarah sedaging (walaupun jarang bersama), pengalaman berkongsi pengalaman hidup bersama kalian juga sentiasa membakar semangat adinda untuk terus menggapai kejayaan dalam hidup. Tidak lupa juga kepada seluruh keluarga mentua terutamanya Prof Madya Rohaini Mohammad dan juga Maktok yang sering memberikan dorongan untuk menyiapkan penyelidikan ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua.

SUSUNAN KANDUNGAN**MUKA SURAT**

PENGHARGAAN	i
SUSUNAN KANDUNGAN	iii
SENARAI GAMBARAJAH	vii
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xii

BAB SATU : PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Kajian Perpustakaan	3
1.3 Skop Kajian	9
1.4 Kerangka Teori	12
1.5 Permasalahan Kajian	16
1.6 Hipotesis Kajian	17
1.7 Objektif Kajian	17
1.8 Metodologi Kajian	18
1.9 Organisasi Tesis	20

BAB DUA : DEFINISI DRAMA, TEATER DAN BERLAKON

1.0 Definisi Drama	23
2.1 Definisi Teater	26
2.2 Definisi Berlakon	27
2.3 Latar Belakang Teater	29

SUSUNAN KANDUNGAN**MUKA SURAT****BAB TIGA : REALISME DI BARAT DAN TEORI *THE SYSTEM*
OLEH KONSTANTIN STANISLAVSKI**

3.0	Kemunculan Aliran Teater Modern (Realisme)	35
3.1	Latar Belakang Konstantin Stanislavski	37
3.2	<i>Moscow Art Theatre</i>	45
3.3	Pengenalan Sistem Stanislavski (<i>The System</i>)	48
3.4	Elemen-elemen <i>The System</i>	59

**BAB EMPAT : PERKEMBANGAN TEATER MODEN DI MALAYSIA DAN
PROGRAM TEATER SEBABAK**

4.0	Latar Belakang Teater di Malaysia	62
4.0.1	<i>Proto-theatrical Customs</i>	63
4.0.2	<i>Hindu-Islamic Folk and Court Genres</i>	64
4.0.3	<i>Popular Theatre</i>	65
4.1	Teater Modern di Malaysia	67
4.2	Teater Sebabak	72

**BAB LIMA : PENERAPAN UNSUR-UNSUR ‘*THE SYSTEM*’ DI KALANGAN
PELAKON-PELAKON TEATER SEBABAK**

5.0	Pengenalan	77
5.1	Peranan Minda, Jiwa, Tubuh, dan Suara	78
5.2	Pengertian Elemen <i>Magic If</i>	80
5.2.1	Kaedah Praktikal Elemen <i>Magic If</i>	84
5.3	Elemen <i>Given Circumstances</i>	91
5.4	Elemen <i>Imagination</i>	101
5.4.1	Imaginasi Pelakon Teater Sebabak	106

	SUSUNAN KANDUNGAN	MUKA SURAT
5.5	Elemen <i>Attention</i>	110
5.6	Elemen <i>Relaxation of Muscles</i>	115
5.7	Elemen <i>Pieces and Problem</i>	133
5.8	Elemen <i>Truth and Belief</i>	137
5.8.1	Proses <i>Truth and Belief</i>	140
5.9	Elemen <i>Emotional Memory</i>	142
5.9.1	Penerapan elemen <i>Emotional Memory</i>	143
5.10	Elemen <i>Communication</i>	151
5.10.1	Komunikasi Dengan Penonton Melalui Rakan Lakon	154
5.10.2	Kewujudan Rays Dalam Komunikasi Lakon	155
5.10.3	Komunikasi Di kalangan Pelakon-Pelakon	156
	Teater Sebabak	
	BAB 6 : RUMUSAN	160
	BIBLIOGRAFI	172
	LAMPIRAN	177

SENARAI GAMBARAJAH**MUKA SURAT**

Gambarajah 2.1 :	32
The ‘Sorcerer’, sebuah lukisan dinding yang ditemui di gua Montespan, selatan Perancis.	
 Gambarajah 2.2 :	 32
Lukisan batu di kawasan Cogul selatan Lerida, Sepanyol yang menunjukkan tarian ritual.	
 Gambarajah 3.1:	 44
Stanislavski sebagai Vershinin dalam teater 'The Three Sister'	
 Gambarajah 3.2:	 44
Stanislavski sebagai Trigorin dalam teater 'The Seagull'	
 Gambarajah 3.3 :	 48
Pelopor Moscow Art Theatre : Constantin Stanislavski (kanan) bersama Vladimir Nemirovitch-Datchenko (kiri)	
 Gambarajah 5.1 :	 79
Hubungan Minda, Jiwa, Tubuh dan Suara.	
 Gambarajah 5.2 :	 82
Konsep elemen <i>Magic If</i> .	
 Gambarajah 5.3 :	 88
Gambar Aminah Raphor ketika ditemui di studio lakonan kepunyaannya (<i>De Fantasy Studio</i>).	

Gambarajah 5.4 :	101
Jalil Hamid, pelakon utama dalam <i>Raja Lawak</i> yang membawa watak Osman Bombay.	
Gambarajah 5.5 :	121
Pengenduran otot tengkuk dengan cara mendongak ke atas, menunduk, tolak ke kanan dan kiri. Dilakukan dengan kiraan lapan.	
Gambarajah 5.6 :	121
Pengenduran otot di bahagian bahu serta tangan dengan cara membuat pusingan 360 darjah dengan kiraan lapan.	
Gambarajah 5.7 :	122
Pengenduran otot di bahagian keseluruhan lengan dengan cara mendepa tangan dan kemudian membuat pusingan 360 darjah dari depan ke belakang dan kemudiannya dari belakang ke depan dengan kiraan lapan.	
Gambarajah 5.8 :	122
Senaman di bahagian rusuk dan pinggang dengan cara melentokkan badan ke arah kanan dan juga kiri sambil tangan yang di atas ditujukan ke arah yang sama. Manakala tangan yang di bawah memegang pinggang dan kemudian dijatuhkan dengan kiraan lapan.	
Gambarajah 5.9 :	123
Regangan dan pengenduran di bahagian betis dan peha. Kaki diluruskan ke belakang dengan berjengket. Kemudian telapak kaki di cecah ke permukaan lantai sehingga rata. Di ulang sebanyak lapan kali.	
Gambarajah 5.10 :	123
Olahan tubuh yang melibatkan bahagian pinggang dan tulang belakang dengan cara membongkok sambil tangan mencecah	

ke lantai kemudian dengan kiraan lapan tangan di angkat sehingga lurus ke atas.

Gambarajah 5.11 :

123

Latihan olah tubuh yang melibatkan bahagian kaki termasuk, tulang belakang dan tangan.

Gambarajah 5.12 :

124

Latihan regangan otot belakang, perut dan peha. Dilakukan dengan cara meniarap dan kemudian separuh badan diangkat sehingga tangan lurus. Pada masa yang sama kaki dibengkokkan ke atas secara lurus.

Gambarajah 5.13 :

124

Menunjukkan latihan otot di bahagian rusuk dan kaki. Sebelah kaki dilunjurkan kehadapan sisi dan sebelah lagi kaki dilipatkan ke dalam. Kemudian tangan yang berada di sebelah luar mencecah hujung kaki yang dilunjurkan. Ia dilakukan secara bertukar ganti ntara kanan dan kiri.

Gambarajah 5.14 :

125

Menunjukkan latihan meregangkan otot perut dan kaki. Bermula dengan berbaring dan kemudian kedua-dua belah kaki dinaikkan secara selari sehingga lurus 90 darjah ke atas.

Gambarajah 5.15 :

125

Meluruskan kaki ke atas dan kepala berada di bawah. Latihan *warm down* ini bertujuan untuk melancarkan peredaran darah di bahagian kepala.

Gambarajah 5.16 :

126

Senaman silat dengan cara memasang 'kuda-kuda' sambil tangan melepaskan tumbukan ke hadapan secara bergilir kanan dan kiri.

Gambarajah 5.17 :	127
Senaman silat dengan cara memasang kuda-kuda dan melepaskan kedua-dua belah tangan lurus ke hadapan.	
Gambarajah 5.18 :	127
Senaman silat yang menggabungkan dua jurus iaitu menumbuk sebelah tangan ke hadapan dan kemudian menepis.	
Gambarajah 5.19 :	128
Senaman silat dengan cara bersedia, menendang ke sisi dan menyiku ke bawah.	
Gambarajah 5.20 :	128
Senaman silat dengan cara bersedia, menumbuk ke hadapan dan menepis dengan kedua-dua belah tangan ke tepi.	
Gambarajah 5.21 :	129
Senaman silat bunga dengan posisi berdiri.	
Gambarajah 5.22 :	130
Senaman silat bunga dengan posisi duduk.	
Gambarajah 5.23 :	133
Sabri Yunus (kanan) bersama Wan Hanafisu (kiri) selepas persembahan teater <i>Badi</i> di Stor Teater DBP pada Januari 2005.	
Gambarajah 5.24 :	150
Gambar Hamzah Tahir yang diambil di pejabatnya di Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik Universiti Teknologi Mara, Kampus Puncak Perdana, Shah Alam.	

**PENERAPAN UNSUR-UNSUR 'THE SYSTEM' DI KALANGAN PELAKON-
PELAKON TEATER SEBABAK DI MALAYSIA**

ABSTRAK

Kajian dalam tesis ini meliputi proses pembinaan karektor di kalangan pelakon-pelakon teater sebabak di Auditorium MATIC (*Malaysia Tourist Information Centre*). Teater Sebabak adalah satu bentuk persembahan teater moden di Malaysia yang telah dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan dan Kesenian Malaysia pada 1990 hingga 1995. Teater Sebabak ini telah diprogramkan berdasarkan faktor-faktor yang mampu menarik penonton ke auditorium. Faktor-faktor tersebut adalah seperti penggunaan skrip yang berdurasi satu jam hingga satu setengah jam, mempunyai satu babak, mempunyai unsur komedi, dan menampilkan pengarah yang telah terbukti kredebilitinya serta pelakon-pelakon yang dianggap mempunyai nama besar dalam seni persembahan teater di Malaysia. Teknik pembinaan karektor oleh pelakon-pelakon teater sebabak ini dikaji berdasarkan sejauh mana mereka menerapkan elemen-elemen '*The System*' dalam lakonan mereka. Teknik *The System* telah dipelopori oleh Konstantin Stanislavski. Dalam sistem ini terdapat elemen-elemen yang dipanggil *psycho-technique*. Elemen-elemen tersebut terdiri daripada *magic if*, *given circumstances*, *imagination*, *attention*, *relaxation of muscles*, *pieces and problem*, *truth and belief*, *emotional memory*, dan *communication*. Elemen *psycho-technique* ini menitikberatkan kualiti kreatif lakon yang lahir dari pengkajian secara psikologi dan psikofizikal sesuatu watak. Matlamat kajian ini adalah untuk mengetahui sejauh mana pelakon-pelakon di dalam Teater Sebabak menerapkan elemen-elemen '*The System*' atau sudahpun diamalkan oleh pelakon terlibat tanpa mengetahui wujudnya teori '*The System*'.

**THE INGULCATION OF THE ELEMENTS OF 'THE SYSTEM' AMONG THE ACTORS
OF TEATER SEBABAK IN MALAYSIA**

ABSTRACT

The research comprises the process of characters' building within the actors of *Teater Sebabak* in auditorium of MATIC (Malaysia Tourist Information Centre). *Teater Sebabak* is a form of modern theatre performance in Malaysia which organized by Ministry of Culture, Arts, and Tourist Malaysia in the year of 1990 to 1995. *Teater Sebabak* has been programmed according to a few factors are the duration of script that no more than one and half hour, element of entertainment such as comedy, the most capable director and well known actors and actresses in Malaysia's theatre performing arts. The character's building techniques of the actors and actresses in this *Teater Sebabak* has been studied base on their absorption of the acting technique called 'The System' in their performances. 'The System' is a technique lead by Konstantin Stanislavski which comprises elements called 'psycho-technique'. These elements consists of magic 'if', given circumstances, imagination, attention, relaxation of muscles, pieces and problem, truth and belief, emotional memories and communication. These psycho-technique will results the creative quality of acting. Whilst, the aim of this research is to get an idea on how does the actors in *Teater Sebabak* absorb the elements of 'The System' and to detect whether they indirectly apply 'The System' without knowing the existence of the theory of 'The System'.

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Perkembangan seni lakon di Malaysia bermula sejak zaman teater tradisional lagi. Pada waktu itu masyarakat Melayu mengenali wayang kulit, mak yong, menora dan bangsawan. Kemudian, masyarakat Melayu mula berkehendakkan sesuatu yang selari dengan sifat modenisme yang mula meresapi ke dalam kehidupan masyarakat Melayu di tahun 1930 hingga 1940. Usaha menterjemahkan beberapa buah karya Taufik Al Hakim dan Shakespeare telah dilakukan oleh Zaaba. Pada tahun 1941, Shahrom Hussain buat pertama kalinya telah menulis skrip drama *Lawyer Dahlan*. Drama *Lawyer Dahlan*, tersebut telah dipentaskan pada pertengahan tahun 1943 yang juga diarah dan dilakonkan sendiri oleh penulisnya. Shahrom Hussain memegang watak sebagai *Lawyer Dahlan* pada ketika itu.

Teater moden terus ditulis dan dipentaskan sejak awal tahun 1960 sehingga kini. Perkembangannya dapat dikesan menerusi karya-karya mereka yang terawal seperti Mustapha Kamil Yassin (*Kala Dewata*) yang mementaskan karyanya sendiri iaitu *Atap Genting Atap Rumbia* pada tahun 1963, A Samad Said dengan karyanya *Di Mana Bulan Selalu Retak* pada tahun 1964 dan Usman Awang, *Tamu di Bukit Kenny* pada tahun 1967. Beberapa nama lain yang turut aktif menulis dan mementaskan teater pada zaman awal teater moden adalah

seperti Syed Alwi (*Desaria*, 1976), Bidin Subari (*Umbut Keladi Ttiadak Berisi*, 1974) dan Hashim Yassin (*Seminar Lucu*, 1976).

Pementasan teater moden terus aktif diadakan sehingga wujud program Teater Sebabak pada tahun 1990. Program Teater Sebabak yang dianjurkan oleh Kompleks Budaya Negara, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pada tahun 1990 hingga 1995 di MATIC (*Malaysia Tourist Information Centre*), telah berjaya mengetengahkan pelakon-pelakon yang bebakat besar di Malaysia. Antara nama-nama besar yang terlibat sebagai pengarah dan pelakon dalam program Teater Sebabak ialah seperti Rahim Razali, Samat Salleh, Eman Manan, Khalid Salleh, Fauziah Nawi, Aminah Rhapor, Zaidi Omar, Marlia Musa, Jalil Hamid, Wan Hanafisu, Ahmad Tarmimi, Hamzah Tahir, Mazlan Tahir, Zaibo, Haliza Misbun, Erma Fatimah, Rosminah Tahir, Imuda dan Sabri Yunus. Mereka mendokong watak-watak utama dalam teater-teater seperti *Kelas 2020* (1993), *Sampai Bila* (1991), *Raja Lawak* (1992), *Hang Jebat* (1992), *Malam Ini Penyu Menangis* (1990), *Kena Main* (1995), *Malam Gelap di Bukit Damansara* (1992), *Cucu* (1995), dan *Tanah Bermanah* (1992). Dengan adanya nama mereka dalam sesebuah pementasan, telah mampu menarik penonton untuk melihat sendiri aksi mereka secara langsung di pentas. Krishen Jit telah memberikan pandangannya terhadap perkembangan positif teater Melayu di dalam artikelnya *Unveiling The Hidden Flaws* dalam *New Sunday Times* pada tahun 1993 seperti berikut;

The top guns in Malay theatre are prominently featured in the MATIC comedy drama series produced by Ministry of Culture, Arts and Tourism. This done to draw crowds and to ensure quality . Over the last two years, the producers have succeed in eliciting respectable audiences to MATIC and from time to time celebrated sell-out houses.

(Krisyen Jit, 1986: 185)

Walaupun begitu, hingga kini masih belum ada sebarang penyelidikan khusus yang membincangkan mengenai teknik lakonan mereka. Maka dalam penyelidikan ini, pemerhatian secara khusus diberikan kepada teknik pembinaan watak dalam lakonan mereka. *The System*, iaitu teknik lakonan yang khususnya dipraktikkan dalam persembahan teater moden akan dijadikan sebagai parameter kajian. Segala butir-butir diperolehi secara terus melalui temuramah yang dijalankan terhadap individu yang terbabit. Temuramah ini akan melibatkan juga pengarah-pengarah Teater Sebabak untuk tujuan menguatkan lagi sumber yang diperolehi.

1.2 Kajian Perpustakaan

Berdasarkan penelitian awal yang dilakukan melalui pemerhatian secara langsung, tontonan video, rujukan-rujukan lain seperti tulisan buku, artikel, jurnal, kertas kerja dan internet, belum ada mana-mana pengkaji yang pernah mengkaji mengenai penerapan teknik lakon oleh pelakon-pelakon Teater Sebabak. Walau bagaimanapun, sebagai rujukan utama dan memantapkan kajian ini tinjauan ke

atas kajian sistem Stanislavski dan perkembangan seni lakon di Malaysia secara umum turut dilakukan. Antara tinjauan yang dilakukan adalah seperti berikut;

- a) Stanislavski, Konstantin (terjemahan oleh Elizabeth Reynolds Hapgood) , 1936 *An Actor Prepares*, United States of America: Theatre Arts Books.

Buku ini adalah edisi pertama Stanislavski dari trilogi bukunya mengenai seni lakonan. *The System* adalah sistem lakonan yang menggabungkan dua perkara iaitu menguasai teknik kraf lakonan dan merangsang kreativiti dan imaginasi individu pelakon. Ia menjadi satu panduan dan kekuatan kepada hampir semua persembahan yang dipersembahkan di pentas mahupun layar. Dalam buku ini dijelaskan secara meluas tentang *The System* dalam bentuk catatan peribadi beliau ketika menjalani latihan teater. *The System* berterusan menjadi satu teori lakonan yang komprehensif sehingga hari ini.

- b) Stanislavski, Konstantin, (terjemahan oleh J.J Robins), 1924 *My Life In Art*, United State of America; Little, Brown, And Company.

Sebuah autobiografi yang ditulis oleh Stanislavski. Mengandungi catatan-catatan yang meliputi pelbagai aspek dari segi kehidupan peribadi sehinggalah kepada soal kerja-kerja kreatif Stanislavski. Di dalam buku ini terdapat juga perkara-perkara yang menyentuh soal pemikiran dan prinsip Stanislavski terhadap seni lakon. Ia meliputi hal-

hal yang berkaitan dengan politik, sosial dan konsep kesenian secara keseluruhannya.

- c) Stanislavski, Konstantin, 1958 *Stanislavski's Legacy*, London; Eyre Methuen.

Stanislavski's Legacy adalah sebuah buku edisi khas yang berkait rapat dengan tiga buah buku lakonan Stanislavski iaitu *An actor Prepares*, *Building A Character* dan *Creating A Role*. Buku ini menghimpunkan koleksi terpilih dari artikel, nota, memoir dan ucapan bertulis oleh Stanislavski di antara tahun 1898 iaitu pada awal pembukaan Moscow Art Theatre sehingga kematian beliau iaitu pada tahun 1938. Di antara pengisian buku ini ada dimuatkan beberapa siri surat mengenai interpretasi Stanislavski mengenai persembahan Othello dan artikelnya mengenai Anton Chekhov iaitu "*Memories of Chekhov*". Pada bab yang terakhir buku ini, Stanislavski memberikan pandangannya mengenai teater dan pelakon-pelakon pada masa akan datang.

- d) Stanislavski, Konstanstin. 1950. *Stanislavski On The Art of The Stage* London : Faber and Faber Limited.

Reputasi Konstantin Stanislavski dalam seni lakon adalah berasaskan pada teori lakonannya dan penerapannya dalam kerja-kerja praktikal. Buku ini mengandungi analisis terhadap *The System and Methods of Creative Art*. Ia juga mengandungi eseи di bahagian

pengenalan yang memberi pendedahan yang tersusun dan analisis secara kritikal mengenai *The System*. Kesemua kandungan mengenai 'the essential Stanislavski' yang terdapat di dalam buku ini disusun secara komprehensif dan padat.

- e) Boleslavsky, Richard, 1949 *Acting The First Six Lessons*. London, Dennis Dobson.

Richard Boleslavsky, seorang pelakon dan pengarah bagi Moscow Art Theatre adalah anak murid kepada Konstantin Stanislavski. Kajian dalam buku ini tertumpu kepada enam teknik asas bagi seseorang pelakon untuk menguasainya. Kesemua huraian mengenai teknik tersebut ditulis melalui dialog di antara seorang murid yang digelar '*The Creature*' dan Boleslavsky. Enam teknik tersebut ialah *concentration, memory of emotion, dramatic action, characterization, observation, dan rhythm*.

- f) Rosminah Tahir, 1994. Perkembangan Skrip dan Lakonan Sandiwara , Universiti Sains Malaysia (Tesis Sarjana).

Kajian dalam tesis ini meliputi aspek perkembangan skrip serta lakonan dalam Sandiwara. Sandiwara adalah satu bentuk seni lakon pentas yang berkembang sejak tahun 1930an. Kemunculannya di tahun-tahun 1950an-1960an merupakan satu era perubahan di dalam dunia teater Melayu secara tradisional kepada moden kerana buat pertama kalinya skrip digunakan untuk berlakon. Proses pembentukan skrip dan

lakonan sandiwara bermula dengan idea yang dijalinkan menjadi cerita. Cerita yang dikemukakan mempunyai tema-tema yang tertentu seperti nilai moral, masalah sosial, keagamaan, adat dan budaya. Dan penulis telah menggunakan gaya penulisan seperti citrawara, purbawara, dan sejarah kemukakan mesej-mesej yang terkandung dalam drama tersebut. Skrip-skrip sandiwara memberatkan tema dan perwatakan sebagai sebahagian dari elemen yang memajukan mesej kepada penonton. Manakala teknik pementasan dan struktur persesembahan membantu memperjelaskan perkembangan lakonan.

- g) Roose-Evans, James, 1973. *Experimental Theatre From Stanislavski To Today*. New York, Universe Books.

Kajian dalam buku ini adalah mengenai teater-teater eksperimen yang dipersembahkan di serata dunia selepas era Stanislavski. Tiga bab pertama dalam buku ini adalah mengenai latar belakang kehidupan seni Stanislavski. Ia juga menyentuh serba sedikit mengenai teori *The System* secara general dan penglibatan Stanislavski di dalam Moscow Art Theater. Kemudian kajian ini beralih kepada bentuk-bentuk persembahan teater yang diadakan selepas aliran Realisme diperkenalkan. Ia termasuklah bentuk teater yang diletakkan dalam kelompok 'avant-garde' seperti yang dipelopori oleh Mayerhold, Tairov, Brecht, Grotowski, Peter Shuman, dan Ann Halprin.

- h) Krishen Jit, 2003. Krishen Jit: *An Uncommon Position, Selected Writings*
Singapore : Contemporary Asian Art Centre.

Sebuah buku yang menghimpunkan artikel-artikel yang ditulis oleh Krishen Jit. Krishen Jit adalah seorang aktivis seni yang berpengaruh, bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh Asia Tenggara. Beliau lebih dikenali sebagai seorang pengarah, pengkritik, ahli akademik, pengkaji sejarah drama dan pendidik. Beliau telah menghambakan diri dalam dunia seni selama lebih empat puluh tahun. Artikel-Artikel beliau banyak dikeluarkan dalam majalah, jurnal dan akhbar seperti *The Asian Theatre Journal*, *Dewan Sastera*, *The New Sunday Times*, *The Far Eastern Economic Review*, *The Cambridge Guide to World Theatre* dan banyak lagi. *An Uncommon Position* adalah himpunan eseai yang ditulis oleh Krishen pada awal tahun 1970-an yang merangkumi bidang teater, seni halus dan tarian. Artikel-artikel tersebut adalah termasuk analisis beliau mengenai teater kontemporari di Asia Tenggara, polemik keagamaan dalam kesenian di Malaysia, *multiculturalism* (kepelbagaian budaya) dalam persembahan dan peranan artis sebagai *Public Intellectual* (intelektual awam).

1.3 Skop Kajian

Penyelidikan ini memberi tumpuan kepada penerapan unsur-unsur *The System* yang dipelopori oleh Konstantin Stanislavski dalam seni lakon *realisme* di Malaysia. Secara khususnya, penyelidikan ini mengangkat program Teater Sebabak sebagai skop kajian. Sebanyak enam buah Teater Sebabak dipilih sebagai kes kajian iaitu *Sampai Bila* (1991), *Tanah Bernanah* (1992), *Malam Gelap di Bukit Damansara* (1992), *Raja Lawak* (1992), *Kelas 2020* (1993), dan *Cucu* (1995). Kesemua pementasan tersebut dipentaskan pada tahun 1990 sehingga tahun 1995 di auditorium *MATIC* (*Malaysia Tourist Information Centre*).

Berikut adalah senarai enam buah Teater Sebabak dan para pelakon utama terpilih yang telah dipentaskan di *MATIC* pada tahun 1990-an.

TAHUN	TAJUK	PENGARAH	PARA PELAKON UTAMA
1991	Sampai Bila	Samat Salleh	<ol style="list-style-type: none">1. Zaibo2. Rosminah Tahir3. Marlia Musa
1992	Tanah Bernanah	Aminah Rhapor	<ol style="list-style-type: none">1. Aminah Rhapor2. Hamzah

			Tahir
1992	Raja Lawak	Zakaria Arifin	1. Jalil Hamid 2. Imuda 3. Sabri Yunus
1992	Malam Gelap di Bukit Damansara	Rahim Razali	1. Fauziah Nawi 2. Ahmad Tarmimi Saregar
1993	Kelas 2020	Rahim Razali	2. Marlia Musa 3. Ahmad Tarmimi Saregar
1995	Cucu	Rosminah Tahir	1. Mubarak Majid 2. Mazlan Tahir

Walaupun terdapat sebilangan lagi Teater Sebabak yang pernah dipentaskan di antara tahun 1990 hingga 1995, namun kajian ini menumpukan perhatian kepada enam buah drama tersebut. Pemilihan enam Teater Sebabak tersebut adalah berdasarkan bahan dokumentasi yang masih tersimpan dalam

keadaan baik untuk dijadikan rujukan. Selain itu, semua teater ini dipentaskan di MATIC iaitu tempat pementasan yang dijadikan fokus utama kajian ini. Manakala beberapa Teater Sebabak yang lain dipentaskan di panggung-panggung lain seperti di Panggung Eksperimen dan Panggung Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Selain itu terdapat kriteria lain yang tidak menepati ciri-ciri teater realisme seperti dari segi struktur teks dan juga elemen persembahan yang digunakan.

Penyelidikan terperinci akan dilakukan terhadap proses pembinaan karektor oleh pelakon-pelakon utama dalam enam permentasan teater tersebut. Dalam hal ini, elemen-elemen '*The System*' akan dijadikan sebagai kayu ukur dan panduan bagi menjelaskan teknik persembahan lakonan keseluruhannya. Elemen-elemen yang merangkumi aspek psiko-fizikal dan psikologikal ini terdiri daripada *magic 'if'*, *given circumstances*, *imagination*, *attention*, *relaxation of muscles*, *pieces and problem*, *truth and belief*, *emotional memory*, dan *communication*.

These laws, Stanislavski claims, are sufficiently well-defined to be studied and put into practice with the help of psycho-technique, which consists of a large number of 'elements', ten of which-'if' , given circumstances, imagination, truth and belief, emotional memory, and communication form the 'core' of the famous 'system.

(Stanislavski, 1950:32)

Dari kenyataan di atas, jelas menyatakan bahawa kesemua elemen tersebut menjadi teras kepada sistem lakonan Stanislavski. Elemen-elemen penting tersebut dinamakan *psyco-technique*¹ iaitu yang merangkumi aspek psiko-fizikal dan psikologikal. Jadi, setiap analisis dalam kajian ini berpandukan pada setiap elemen tersebut untuk melihat sejauh mana para pelakon Teater Sebabak menerapkannya dalam lakonan mereka.

1.4 Kerangka Teori

Seni lakon moden secara umumnya telah berkembang di Barat sejak kurun ke 18 lagi. Pada ketika itu, aliran realisme dilihat sebagai satu konsep yang menepati kehendak zaman moden. Henrik Hibsen dari Norway adalah orang yang menjadi pelopor bagi aliran ini. Dramatis yang lainnya termasuk August Strindberg, James M. Barrie, William Butler Yeats dan Anton Checov. Kesan daripada perkembangan teater moden ini telah melahirkan beberapa tokoh ilmu seni lakon termasuklah seorang tokoh dari Rusia yang cukup terkenal iaitu Konstanstin Stanislavski. Stanislavski atau nama penuhnya Konstanstin Sergeivich Stanislavski adalah tergolong dalam kumpulan perintis-perintis teater lain seperti Andre Antoine dari Perancis, Otto Brahm dari Jerman, William Bloch dari negara Scandinavia dan David Balasco dari Amerika Syarikat. Beliau adalah seorang pelakon, guru lakonan, dan juga penerbit teater. Beliau telah menubuhkan *Moscow Art Theatre* bersama Nemirovich Danchenko pada 1898.

¹ Psycho-technique dalam konteks 'The System' bermaksud unsur-unsur yang menjadi komponen utama sistem lakonan Stanislavski. Ia telah disusun semula oleh David Margashack di dalam buku *Stanislavski on The Art of The Stage* (1950) dan Sonia Moore dalam buku *Stanislavski's System* (1965).

Melalui pengalaman beliau ketika menjalani latihan teater sebagai pengarah dan juga pelakon, Stanislavski telah menggariskan teknik-teknik lakonan berdasarkan idea dan formulanya. Menurut Ronald Hayman, Stanislavski adalah seorang tokoh seni lakon yang mempunyai pencapaian yang besar dan mengagumkan sepanjang penglibatan beliau dalam dunia lakonan.

Stanislavski's achievement was massive and magnificent. He was the great actor-director-teacher to make through exploration of technique and to leave detailed charts of his voyages. Many of his ideas and formulations will go on being valuable as long as the art of acting survives and we have absorbed so many elements of Stanislavski into our theatrical bloodstream that we no longer know when we are under his influence.

(Hayman, 1969: 36)

Berdasarkan daripada petikan di atas juga, dapat difahami bahawa terdapat banyak elemen dalam *The System* yang dipelopori oleh Stanislavski. Ada di antara pelakon-pelakon tidak menyedari bahawa mereka berlakon di bawah pengaruh sistem Stanislavski. Justeru, kajian ini melihat sejauh mana elemen-elemen tersebut diterapkan dalam lakonan pelakon-pelakon Teater Sebabak di Malaysia.

Sistem Stanislavski ini seharusnya dikaji dengan terperinci. Ia bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan dan salah faham seterusnya membuat andaian bahawa *The System* sudah tidak relevan pada zaman sekarang. Stanley Kahan di dalam bukunya *Introduction of Acting* menyangkal pendapat-pendapat yang tidak menyelidiki *The System* secara menyeluruh dan terperinci.

Menurut Stanley Kahan, teori Stanislavski telah disalah faham oleh ramai orang yang mempercayai bahawa dakwaannya terhadap pembinaan perasaan karektor mengabaikan latihan dan teknik konvensional pentas. Dengan itu, teori Stanislavski haruslah difahami oleh semua pelakon sama ada mereka mengamalkannya atau tidak. Tidak lengkap sekiranya menggabungkan kesemua teori Stanislavski dalam helaian muka surat yang sedikit. Teori Stanislavski haruslah dilihat dari satu perspektif yang adil dan beberapa perbincangan terhadapnya hendaklah dilakukan secara terperinci supaya dapat mencernakan penyelidikan yang berterusan. (Stanley Kahan, 1998: 49)

Sehingga kini, *The System* menjadi panduan kepada ramai pelakon terkenal seluruh dunia sebagai satu kaedah atau metode lakonan yang lengkap. Uyatna Aniru menulis dalam bukunya *Menjadi Aktor* bahawa kumpulan *Actor Studio* yang telah ditubuhkan di Amerika Syarikat pada tahun 1974 telah menjadi tempat latihan pelakon-pelakon. Pelakon-pelakon terkenal pada ketika itu di antaranya ialah Marlon Brando, Julie Harris, Eva Marie Saint, dan Ben Gazzara. Kemudian diikuti pula Montgomerry Cliff, Shelley Winters, Elizabeth Taylor, James Dean, Paul Newman, dan Sidney Poitiers. Manakala Al Pacino, Robert DeNiro, Jack Nicholson, John Loan, Dustin Hoffman, Anthony Hopkins, dan Jodie Foster adalah generasi yang terkemudian dari kumpulan yang sama. Di bawah bimbingan Lee Strassberg, mereka menjalani latihan dasar dan eksperimental

mereka untuk mengembangkan metode Stanislavski yang juga disebut 'lakonan dalam' ². (Uyatna Aniru, 1998: 9)

Setiap pelakon diperlukan mengetahui tentang diri sendiri dan tentang diri watak yang hendak dimainkan. Segala gerakan pemain mesti datangnya dari pemerhatian pelakon terhadap kehidupan yang nyata. Oleh sebab itu, penyelidikan yang dibuat mengenai teknik lakon seseorang pelakon itu harus bermula daripada latar belakang seseorang pelakon itu sendiri. Seterusnya, mereka akan ditanya mengenai kajiannya terhadap watak yang diberi. Dari situ, teknik pembinaan watak (*characterization*) yang mereka gunakan dapat diketahui.

The System tidak berdasarkan semata-mata kepada sebab dan akibat tetapi lebih kepada pengalaman seseorang individu pemain (pelakon) itu. Ini terjadi selepas pengabdian Stanislavski terhadap seni pementasan dan pengalamannya yang bertahun-tahun sebagai pelakon dan juga penerbit. Dalam proses dan pengalaman itu, maka *The System* wujud untuk menjadikan teknik lakonan itu lebih teratur dan bersistematik.

Teknik lakonan adalah perlu untuk menjadikan pekerjaan sesebuah lakonan itu lancar dan bersistematik selain daripada menggunakan bakat semulajadi yang ada. Hamzah, di dalam bukunya *Pengantar Bermain Drama*

² Definisi 'lakonan dalam' : Lakonan yang berorientasikan kefahaman yang mendalam terhadap karektor dan dipersembahkan dengan daya penghayatan yang tinggi.

mengukuhkan lagi pernyataan ini bahawa "pada hakikatnya, setiap orang adalah pelakon. Ia dibuktikan oleh kemampuan seorang pelakon yang memegang banyak watak. Namun, kemampuan ekspresi dalam hidup sehari-hari dengan di atas pentas adalah berbeza. Untuk sebuah pementasan teater, terdapat teknik-teknik tertentu seperti pengolahan suara, tubuh, konsentrasi dan pengamatan. Oleh sebab itu, para pelakon harus menguasai teknik seni lakon."

(Hamzah, 1984:56)

Teknik lakon seperti yang dijelaskan oleh Stanislavski, haruslah dipelajari dan diamalkan oleh setiap individu pelakon itu untuk mencapai satu tahap lakonan yang berkesan dan dipercayai. Ini bermaksud, seseorang pelakon yang melalui proses pembinaan watak dengan mengikut teknik-teknik yang bersistematik, mampu untuk meyakinkan khalayak penonton dengan watak yang dipegang. Ia bukan saja mampu untuk memberi keyakinan dari segi tingkah laku secara luaran seperti cara seseorang itu berjalan, berkelahi dan sebagainya. Tetapi ia juga mampu untuk menyampaikan perasaan dalaman dari jiwa watak kepada penonton.

1.5 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Sama ada pelakon-pelakon di Malaysia menggunakan teknik-teknik *The System* di dalam proses lakonan mereka ataupun tidak.

- ii) Sejauh mana pelakon-pelakon realisme di Malaysia menerapkan *The System* dalam lakonan mereka.
- iii) Bagaimana proses pembinaan watak dilakukan oleh pelakon-pelakon Teater Sebabak.

1.6 Hipotesis Kajian

Keberkesanan lakonan pelakon Teater Sebabak di MATIC adalah lahir daripada bakat semulajadi seseorang pelakon berbanding sistem lakonan yang ada (dalam konteks kajian ini sistem yang dimaksudkan adalah *The System* yang diperkenalkan oleh Stanislavski). Pengalaman hidup dan juga pengalaman mengadakan persembahan teater sebelum berlakon Teater Sebabak lebih banyak membantu mereka membina watak masing-masing. *The System* tidak menjadi kemestian kepada para pelakon ketika menjalankan latihan pembinaan karektor masing-masing.

1.7 Objektif Kajian

- i) Mengkaji dan menganalisis mengenai penerapan teori lakon *The System* yang menjadi metode utama bagi bentuk lakon drama beraliran realisme di kalangan pelakon-pelakon Teater Sebabak.

- ii) Untuk meninjau sejauh mana bakat, dalam proses pembinaan watak, mengatasi *The System* atau *The System* yang diadunkan dengan bakat dapat mempertajamkan pembinaan perwatakan.
- iii) Mengangkat seni lakon moden di Malaysia dengan menjadikan teori *The System* sebagai ukuran, perbandingan dan juga panduan dalam proses pembinaan karektor.
- iv) Memberi satu gambaran yang jelas mengenai perlaksanaan praktikal lakonan moden di Malaysia berdasarkan teori *The System*.
- v) Untuk menjadikan panduan kepada pelajar, masyarakat seni seterusnya kepada umum tentang hal yang berkaitan perlaksanaan seni lakon moden di Malaysia.

1.8 Metodologi Kajian

Pada dasarnya bentuk penyelidikan yang dilaksanakan adalah bersifat analisis dilihat daripada tujuan penyelidikan dan jenis data. Metode yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah seperti berikut.

i) Maklumat Asas

Peringkat ini merupakan kerja-kerja pengkajian awal secara kasar sebelum kajian yang lebih mendalam dilakukan. Maklumat asas dikumpulkan pada peringkat ini dengan cara membuat pemerhatian dan kajian terhadap bahan-bahan sekunder (*secondary source*)

yang boleh didapati dari tontonan pita video persembahan teater, pembacaan buku-buku, artikel internet, jurnal, dan majalah-majalah yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan. Seterusnya maklumat yang diperolehi tersebut akan dikumpulkan dan dibuat analisa secara terperinci sebelum kajian seterusnya dijalankan.

ii) Diskusi dan Temuramah

Metode ini dilakukan secara terancang dengan memilih beberapa orang dan tokoh yang terlibat secara langsung dalam bidang seni persembahan teater khususnya dalam seni lakon. Setiap individu yang terlibat, akan dibiarkan membuat eksplorasi idea terhadap perkembangan semasa yang berkaitan secara peribadi. Bagaimanapun, kajian ini tidak menggunakan soal selidik yang tetap di mana pihak responden mengisi maklumat menjawab soalan-soalan yang disediakan. Hal ini berlaku kerana tiket dan dekorum menjalankan penyelidikan dengan tokoh-tokoh praktikal teater berlainan dengan golongan akademik. Cara mendapatkan maklumat adalah mengikut masa, situasi, dan kecenderungan ahli-ahli yang ditemui. Maka kaedah mengumpulkan maklumat adalah Berubah-ubah berdasarkan kesempatan serta kesediaan tokoh untuk ditemubual dan dilakukan berulang kali. Pada peringkat ini, sumber yang diperolehi secara verbal ini akan diberi keutamaan dan direkodkan.

iii) Kajian Bahan Sekunder

Pada peringkat ini, kajian yang lebih mendalam dan khusus akan dilakukan dengan merujuk secara terperinci setiap aspek penyelidikan. Ia dilakukan dengan mencari sumber-sumber di perpustakaan seperti buku-buku, jurnal, majalah, artikel, keratan akhbar dan internet.

1.9 Organisasi Tesis

1.9.1 **Bab 1** adalah pengenalan dan proposal lengkap mengenai penyelidikan ini. Perkara-perkara yang terkandung dalam bab ini ialah seperti Pengenalan, Skop Kajian, Kajian Perpustakaan, Kerangka Teori, Hipotesis Kajian, Objektif Kajian, Permasalahan Kajian, Metodologi Kajian, Konsep-konsep Dasar Kajian, dan Organisasi Tesis.

1.9.2 Dalam **Bab 2** pula terkandung hal-hal yang berkaitan dengan definisi, pengenalan dan latar belakang mengenai teater, drama, dan juga lakonan. Ia sebagai asas untuk mengenali lebih lanjut perkara-perkara yang lebih terperinci seperti aliran, teknik ataupun sistem yang dibincangkan pada bab yang kemudian.

- 1.9.3 **Bab 3** pula terkandung pengenalan teater moden di Barat, latar belakang lengkap mengenai Konstantin Stanislavski iaitu individu yang menjadi subjek utama dalam penyelidikan ini serta perincian mengenai teori lakonnya iaitu *The System*. Dijelaskan juga dalam bab ini mengenai elemen-elemen yang menjadi teras kepada *The System*.
- 1.9.4 **Bab 4** mengandungi latar belakang seni persembahan teater di Malaysia dengan merangkumi sejarah awal kewujudannya. Teater moden diberikan penekanan sebagai satu aliran yang menjadi fokus penyelidikan ini. Seterusnya butir terperinci mengenai Teater Sebabak sebagai skop kajian.
- 1.9.5 **Bab 5** adalah analisis keseluruhan kajian yang dilakukan terhadap individu-individu yang terlibat dalam Teater Sebabak. Dalam bab ini juga dijelaskan sejauh mana mereka menerapkan *The System* dalam proses pembinaan watak mereka. Bab ini dipecahkan kepada beberapa unit mengikut elemen-elemen *The System* yang dibincangkan. Elemen-elemen tersebut mengikut turutan seperti *Magic- If* (Bagaimana 'Kalau'), *Given Circumstances* (Persekutuan Sedia Ada), *Imagination* (Imaginasi), *Attention* (Penumpuan), *Relaxation of Muscles* (Pengistirehatan Tubuh), *Pieces and Problem* (Unit-unit kecil dan Masalah), *Truth and Belief* (Benar dan Percaya), *Emotional Memory* (Memori Terhadap Emosi), dan *Communication* (Komunikasi).

1.9.6 **Bab 6** adalah rumusan dan kesimpulan yang dibuat berdasarkan keseluruhan kajian.

Bibliografi

Lampiran

BAB 2 : DEFINISI DRAMA, TEATER, DAN BERLAKON.

2.0 Definisi Drama

Menurut kamus Dewan, drama bermaksud karya yang dipersembahkan oleh pelakon di pentas, radio atau televisyen. Perkataan drama dipercayai berasal daripada perkataan Greek Kuno iaitu ‘dran’ yang membawa maksud melakukan atau melakonkan. Drama juga didefinisikan sebagai satu genre atau komposisi sastera, kebiasaannya dalam bentuk dialog dan ditunjangi oleh watak-watak fiksyen. (Worthen, 2000: 148) Drama adalah sesuatu gerak laku yang ditunjangi oleh lakonan manakala lakonan ialah seni gerak atau laku dalam berdrama.

Menurut *The American Colledge Dictionary*, drama merupakan karangan prosa dan puisi yang menyajikan dialog atau pantomim atau cereka yang mengandungi konflik untuk dipentaskan. Sebagai satu cabang sastera, drama mengandungi komposisi pelbagai seni seperti seni lakon, seni muzik, seni bina, seni busana dan seni tari. Berbanding dengan genre prosa yang lain, drama dihasilkan bukan sekadar untuk bacaan, tetapi lebih bermakna dan dihayati apabila dipersembahkan di atas pentas. Pelakon sebagai pemain penting dalam sesebuah persembahan adalah tunjang utama untuk menyampaikan cerita.

Bidang lakonan telah bermula sejak adanya manusia di muka bumi ini dan segala gerak laku mereka berlaku atas kehendak fizikal yang didorongi spiritual. Pelbagai istilah telah dirumuskan kepada pengertian gerak laku tersebut dan istilah lelakon atau lakonan itu seringkali bertukar ganti hingga dikenali dengan perkataan drama. Menurut pendapat Ruby Cohn:

"Drama adalah lakonan yang dilakukan oleh pelakunya yang tertentu. Kadang-kadang lakonan itu tidak menggunakan suara seperti lakonan *mime* atau gerakan. Ia juga adalah sebuah pertunjukan atau perlakuan yang disengajakan oleh manusia untuk berhubungan dengan manusia lain. Dalam konteks yang lebih luas lagi, drama merupakan apa sahaja kejadian yang disaksikan sendiri atau diberitahu oleh saksi kepada orang lain, iaitu apa sahaja yang sedang berlaku."

(Aida Nurul Ain, 2002: 6)

Hassan Ahmad pula berpendapat, drama meliputi Sandiwara atau Tonee, Bangsawan, Opera dan sebagainya. Beliau memberi definisi drama seperti berikut:

"Satu lukisan hidup manusia yang dimainkan di atas pentas. Selain daripada itu, genre drama adalah berbentuk karya kreatif menggabung jalankan dialog yang disebut sebagai skrip. Di dalam skrip itu pula mengandungi persoalan, pemikiran, dan tema. Segala unsur-unsur luar seperti sejarah hidup, hari muka yang digerakkan oleh penggunaan dialog sebagai mekanisme penulisan melalui gerakkan aksi-aksi wataknya."

(Aida Nurul Ain, 2002: 8)